

Meneroka pengalaman mobiliti pelajar dan pengaruhnya terhadap pembangunan diri dan kebolehpasaran

Wan Shahrazad Wan Sulaiman¹, Nazirah Hassan¹, Sity Daud², Aznur Aisyah Abdullah³

¹Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

³Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Wan Shahrazad Wan Sulaiman (email: shara@ukm.edu.my)

Received: 10 November 2025; Accepted: 29 April 2026; Published: 21 May 2026

Abstrak

Banyak strategi telah diambil oleh institusi pengajian tinggi bagi mempertingkatkan pengalaman pelajar. Salah satu strategi yang juga merupakan agenda global adalah meningkatkan bilangan pelajar yang menyertai program mobiliti di luar negara. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneroka pengalaman mobiliti pelajar dan pengaruhnya terhadap pembangunan diri dan kebolehpasaran pelajar dalam kalangan pelajar-pelajar yang telah menjalani pelbagai program mobiliti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melibatkan sembilan informan yang telah dipilih untuk temubual mendalam. Responden telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan di mana kriteria utama responden adalah pelajar-pelajar yang pernah terlibat dalam program mobiliti. Dapatan kajian kualitatif telah menghasilkan dua tema utama iaitu impak program mobiliti terhadap pembangunan diri dan impak pengalaman mobiliti terhadap kebolehpasaran diri. Tema pertama mendapati terdapat lima subtema berkaitan impak program mobiliti iaitu toleransi, keyakinan, sahsiah, keterbukaan, dan kebolehan berdikari. Hasil analisis kualitatif juga mendapati terdapat enam subtema impak pengalaman mobiliti terhadap kebolehpasaran diri iaitu adaptasi rentas budaya, kematangan interpersonal, keyakinan, keperluan kerjaya dalam bidang, nilai tambah dan kemahiran daya tindak. Melalui kajian ini, dapatan yang dihasilkan ialah faktor-faktor positif program mobiliti yang boleh digunakan untuk mempromosi program mobiliti dalam kalangan pelajar. Implikasi daripada kajian ini adalah melibatkan pengenalanpastian kelemahan dan kekuatan dalam pelaksanaan program mobiliti yang seterusnya dapat memperkasakan lagi usaha dalam meningkatkan kualiti positif graduan.

Kata kunci: Kebolehpasaran, keterbukaan, kualitatif, mobiliti, pelajar universiti, pembangunan diri

Exploring the experiences of mobility students and its' influence on self-development and employability

Abstract

Many strategies have been taken by higher educational institutions to enhance the student experience. One strategy that is also a global agenda is to increase the number of students participating in mobility programmes abroad. In this regard, this study aims to explore the student mobility experience and its influence on self-development and employability among students who have undergone various mobility programs. This study used a qualitative method involving nine informants who have been selected for in-depth interviews. Respondents were selected through purposive sampling techniques where the main criteria for respondents are students who have been involved in mobility programmes. The findings of the qualitative study have produced two main themes, namely the impact of mobility programs on personal quality and the impact of mobility experiences on employability. The first theme found that there were five subthemes related to the impact of mobility programs, namely tolerance, confidence, personality, openness, and independence. The results of the qualitative analysis also found that there were six subthemes that impact mobility experiences on employability, namely cross-cultural adaptation, interpersonal maturity, confidence, career needs in the field, added value, and coping skills. Through this study, the findings highlight the positive factors of mobility programmes that can be used to promote mobility programmes among students. The implications of this study involve identifying weaknesses and strengths in the implementation of mobility programmes which can further strengthen efforts in increasing the positive qualities of graduates.

Keywords: Employability, openness, qualitative, mobility, university students, self-development

Pengenalan

Program mobiliti pelajar boleh didefinisikan sebagai satu program di mana pelajar memilih untuk menghabiskan satu tempoh di institusi lain di luar negara dalam tempoh pengajian mereka. Penglibatan pelajar dalam program mobiliti dilihat penting dalam usaha universiti dan fakulti untuk memperkayakan pengalaman pelajar supaya tidak hanya memfokus kepada pembelajaran di dalam kelas tetapi meneroka juga ilmu pengetahuan dan pengalaman di luar negara. Pengalaman mobiliti di luar negara tentunya memerlukan pelajar-pelajar mempunyai kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, keyakinan diri serta meningkatkan kemahiran interpersonal dan komunikasi. Pengalaman yang diperoleh dalam menjalankan program mobiliti ini mampu untuk meningkatkan kualiti diri yang seterusnya boleh menyumbang kepada kebolehpasaran graduan.

Penglibatan dalam program mobiliti merupakan strategi banyak universiti untuk memperkayakan pengalaman graduan dan memberikan nilai tambah kepada graduan. Program mobiliti boleh membawa banyak faedah, bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada kedua-dua negara asal dan negara penerima. Mobiliti pelajar bertujuan untuk memberi kesan positif ke atas perkembangan peribadi dengan memberi peluang kepada pelajar meneroka, memahami dan menghargai kepelbagaian budaya. Ia juga membantu untuk meluaskan perspektif peribadi dan

pengalaman pendidikan kepada pelajar. Ini diharapkan dapat menghasilkan sumber manusia yang produktif dan kompeten.

Trend pengantarabangsaan telah mencabar pelbagai jenis aspek kehidupan di dunia. Bidang pendidikan tinggi juga telah meletakkan pengantarabangsaan pendidikan tinggi sebagai strategi memperkasakan potensi pelajar. Fokus program mobiliti menekankan penarafan program akademik dan jumlah penerbitan berimpak sesebuah institusi pengajian tinggi di peringkat rantau dan global (Sity, 2018). Melalui mobiliti pelajar, program pertukaran pelajar ini boleh meningkatkan kerjasama antara universiti (Atalar, 2020). Namun demikian, penglibatan pelajar dalam program mobiliti ini masih merekodkan bilangan yang rendah disebabkan beberapa faktor di antaranya faktor peruntukan, ketidakyakinan pelajar serta kekurangan pendedahan dan maklumat dalam kalangan pelajar. Ini disokong oleh pandangan Lee (2022) yang menegaskan bahawa persepsi pelajar tentang mobiliti antarabangsa sebaik sahaja pengalaman itu selesai masih belum diterokai secara meluas. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman program mobiliti yang mempengaruhi pembangunan diri dan kebolehpasaran diri.

Tinjauan literatur

Beberapa kajian telah memfokuskan terhadap kesan yang boleh diberikan oleh pengalaman mobiliti terhadap perkembangan budaya, peribadi dan profesional pelajar (Jon, Shin & Fry, 2020; Jon & Fry, 2021; Netz & Cordua, 2021; Roy, Newman, Ellenberger & Pyman, 2018). Khususnya, penyelidik telah cenderung untuk mengkaji perkembangan profesional, pemahaman pelajar tentang perbezaan budaya, pemerolehan bahasa, serta pembelajaran peribadi dan pemikiran global pelajar (Farrugia & Sanger, 2017; Netz & Cordua, 2021; Murphy et al., 2014).

Beberapa kajian lepas menyokong pengaruh penglibatan dalam mobiliti terhadap sahsiah dan keperibadian pelajar. Contohnya kajian Farrugia dan Sanger (2017) telah mengkaji pengalaman lebih 4500 alumni institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat yang telah menamatkan mobiliti antarabangsa antara tahun akademik 1999–2000 dan 2016–2017. Mereka meneliti hubungan antara belajar di luar negara dan pembangunan kemahiran yang berkaitan dengan kebolehpasaran dan pembangunan profesional dengan menggunakan beberapa kemahiran yang sering diperlukan oleh majikan. Kebanyakan responden menyatakan telah mengembangkan pelbagai kebolehan kognitif, intrapersonal dan interpersonal. Dalam nada yang sama, Jon dan Fry (2021) dan Petrie-Wyman et al. (2020) mendapati bahawa pengalaman antarabangsa menyumbang kepada pemahaman dan pembangunan dalaman yang lebih baik seperti kesedaran diri, andaian risiko, pemikiran terbuka, dan perhatian kepada kepelbagaian serta kebolehan luaran (contohnya kesedaran global, kecekapan antara budaya, dan kerjasama antara budaya).

Selain itu, dalam kajian Silva-Peralta dan Rompato (2020) dalam kalangan pelajar dari Amerika Latin, menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dengan program mobiliti memerlukan beberapa pembelajaran semula kerana pelajar perlu mengatasi banyak halangan semasa dan selepas mobiliti. Oleh itu, pelajar antarabangsa menunjukkan peningkatan kesedaran mengenai cabaran ini dan peningkatan dalam kemahiran menyelesaikan masalah yang membawa kepada pemikiran yang lebih terbuka, pengetahuan yang lebih tentang diri dan profesion mereka, lebih autonomi, peningkatan kebolehan untuk mencari penyelesaian kepada masalah yang berbeza serta pandangan yang lebih kritis dan bersepadu tentang latihan universiti dan masyarakat secara umum.

Kajian Geyer et al. (2017) pula membandingkan kumpulan pelajar yang belajar di luar negara dengan yang tinggal di negara asal, dan mengesahkan bahawa pelajar yang berada di luar

negara mempunyai kesan positif yang ketara terhadap kemahiran kepimpinan dan aspirasi profesional. Belajar di luar negara menyumbang kepada pembangunan peribadi di mana pelajar akan mengalami budaya dan gaya hidup yang unik semasa tinggal di luar negara secara berdikari. Kajian oleh Gilmartin, Raimi-Abraham, Espadas-Garcia dan Gul (2016), menunjukkan bahawa pelajar akan mempunyai lebih autonomi, yakin, dan berdikari serta mempunyai rasa inisiatif yang meningkat selepas pengalaman antarabangsa mereka. Dapatan ini selari dengan kajian Ruth et al. (2019) dalam kalangan pelajar siswazah yang mendapati bahawa mobiliti mempengaruhi faktor berbeza yang berkaitan dengan kejayaan akademik dan profesional contohnya, hubungan profesional, kecekapan utama, pandangan global, dan perkembangan peribadi.

Faktor individu merujuk kepada sikap, motivasi, dan kesediaan pelajar untuk menyertai program mobiliti. Menurut kajian oleh Sánchez-Bolivar et al. (2023), pelajar yang mempunyai tahap motivasi intrinsik yang tinggi lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam program mobiliti. Selain itu, faktor keperibadian seperti keterbukaan terhadap pengalaman baharu dan keyakinan diri turut memainkan peranan penting. Kesiapsiagaan akademik dan kemampuan komunikasi juga boleh mempengaruhi keputusan pelajar untuk terlibat dalam program ini (Li & Bray, 2007).

Kajian juga menunjukkan bahawa mobiliti membawa kepada kebolehpasaran yang lebih baik. Teichler (2004) mendapati bahawa istilah kebolehpasaran bermaksud keseluruhan proses peralihan daripada pendidikan tinggi kepada pekerjaan. Jika peralihan graduan adalah lancar (dari aspek mencari pekerjaan), cepat dan hampir tiada selang masa lama antara tamat pengajian dan permulaan pekerjaan tetap, dan jika pekerjaan itu sesuai dengan tahap dan bidang pengajian kita boleh mengatakan bahawa graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi. Harvey (2001) mendapati maksud utama kebolehpasaran adalah merujuk kepada kebolehan pelajar mencari pekerjaan. Less (2002) pula mengatakan istilah kebolehpasaran dari aspek pendidikan bermakna graduan layak untuk bekerja dan mereka boleh memasuki pekerjaan.

Majikan sering mencari graduan dengan kemahiran dan sifat yang boleh dipertingkatkan melalui mobiliti. Kajian oleh Jon et al. (2020) menunjukkan bahawa individu yang belajar di luar negara mengembangkan bukan sahaja pemahaman yang lebih besar tentang diri mereka sendiri, tetapi juga keupayaan untuk meneroka, menemui, dan bergerak ke hadapan apabila menghadapi cabaran yang berbeza. Ini bermaksud penglibatan dalam mobiliti membantu pelajar untuk mengetahui lebih lanjut tentang diri mereka sendiri, untuk bereksperimen dalam konteks, dan untuk menghadapi masalah yang berbeza, yang semuanya memberi sumbangan kepada kerjaya profesional mereka. Dalam kajian sistematik, Waibel et al. (2018) mendapati bahawa, secara amnya, pelajar percaya bahawa mobiliti antarabangsa meningkatkan peralihan mereka ke pasaran kerja. Ini disokong oleh kajian Roy et al. (2018) yang mendapati bahawa pengalaman antarabangsa meningkatkan peluang untuk mencari pekerjaan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa majikan percaya penyertaan pelajar dalam aktiviti mobiliti meningkatkan kemahiran bahasa asing mereka (Garam, 2005; Bracht et al., 2006; Trooboff et al., 2008; Jonsson et al., 2010; Flander, 2011). Aktiviti mobiliti juga didapati meningkatkan kecekapan antara budaya pelajar, keupayaan untuk bekerjasama dengan orang dari budaya yang berbeza, pengetahuan tentang budaya lain dan bentuk kerja lain (Garam, 2005; Jonsson et al., 2010; Flander, 2011). Kecekapan lain yang dikenal pasti dalam kajian ini termasuk kebolehan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi baharu (Garam, 2005), kebolehsuaian, inisiatif sendiri dan motivasi (Bracht et al., 2006), kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan fleksibiliti (Jonsson et al., 2010).

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam yang dilakukan ke atas informan pelajar yang pernah terlibat dalam program mobiliti. Seramai sembilan orang informan telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai faktor keterlibatan dalam mobiliti dan impak kepada kebolehpasaran yang diperoleh daripada penyertaan mereka dalam program mobiliti tersebut.

Pengkaji telah membangunkan protokol temubual mendalam yang mengandungi beberapa soalan berkaitan penglibatan dalam program mobiliti serta impak program mobiliti terhadap pembangunan diri dan kebolehpasaran diri. Soalan-soalan tersebut adalah seperti tempoh mobiliti dan negara mobiliti, tujuan mobiliti, apakah cabaran yang dihadapi semasa menjalani program mobiliti, apakah perbezaan budaya yang utama yang dialami semasa mobiliti, serta apakah kesan program mobiliti terhadap sahsiah dan pembangunan diri dan kebolehpasaran diri.

Semua temubual telah dirakam dan kemudiannya transkripsi temubual dihasilkan untuk proses analisis data. Analisis data kualitatif ini menggunakan analisis tematik yang mengenalpasti beberapa tema utama dan subtema.


Dapatan kajian dan perbincangan

Hasil dapatan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil informan, impak mobiliti kepada diri dan kebolehpasaran. Kajian ini melibatkan seramai sembilan orang informan yang terdiri daripada lapan orang perempuan dan seorang lelaki. Informan yang terlibat adalah daripada pelbagai bidang pengajian. Kepelbagaian latar belakang akademik ini memberikan perspektif yang lebih luas dalam memahami pengalaman mobiliti akademik yang mereka sertai. Dari segi bentuk mobiliti, tiga orang informan telah menyertai mobiliti jangka panjang iaitu mobiliti berkredit, tiga orang informan menyertai mobiliti jangka pendek, dan empat orang telah menyertai mobiliti latihan industri. Setiap jenis mobiliti ini memberikan pengalaman yang berbeza kepada informan dalam aspek pembelajaran, pendedahan budaya, serta pembangunan kemahiran akademik dan profesional. Majoriti informan menyertai program mobiliti sekali, namun terdapat dua orang informan yang pernah menyertai program mobiliti sebanyak dua kali.

Selain itu, negara destinasi bagi program mobiliti yang disertai oleh informan kajian juga berbeza, meliputi Jepun, Indonesia, Jerman, dan Maghribi. Jepun, sebagai sebuah negara maju, menawarkan pengalaman pembelajaran dan budaya kerja yang berdisiplin dan sistematik. Indonesia pula memberikan pendedahan kepada budaya serantau dan sistem pendidikan yang hampir serupa dengan Malaysia. Jerman, yang terkenal dengan sistem pendidikan tinggi yang berkualiti, menjadi destinasi menarik bagi pelajar yang ingin meneroka inovasi dalam bidang pengajian mereka. Maghribi, sebagai negara di Afrika Utara dengan pengaruh budaya Arab dan Eropah, membuka peluang kepada informan untuk mendalami perbezaan budaya dan kaedah pembelajaran yang unik.

Secara keseluruhannya, maklumat demografi informan kajian ini menunjukkan kepelbagaian dari segi jantina, bidang pengajian, tujuan mobiliti, serta destinasi mobiliti. Kepelbagaian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam program mobiliti akademik, justeru membantu dalam pemahaman yang lebih mendalam terhadap keberkesanan dan impak program mobiliti.

Dapatan kajian kualitatif telah menghasilkan dua tema utama iaitu impak program mobiliti terhadap pembangunan diri dan impak pengalaman mobiliti terhadap kebolehpasaran diri. Tema pertama mendapati terdapat lima subtema berkaitan impak program mobiliti iaitu toleransi, keyakinan, sahsiah, keterbukaan, dan kebolehan berdikari. Hasil analisis kualitatif juga mendapati terdapat enam subtema impak pengalaman mobiliti terhadap kebolehpasaran diri iaitu adaptasi rentas budaya, kematangan interpersonal, keyakinan, keperluan kerjaya dalam bidang, nilai tambah dan kemahiran daya tindak. Tema pertama dan subtema ini ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Tema dan subtema pembangunan diri

Impak mobiliti kepada pembangunan diri

Program mobiliti memberi peluang kepada informan untuk meneroka pengalaman pembelajaran dalam persekitaran yang berbeza. Sepanjang tempoh program ini, informan terdedah kepada pelbagai pengalaman yang membentuk perkembangan sendiri mereka, termasuk aspek: (a) toleransi, (b) keyakinan, (c) sahsiah, (d) keterbukaan, dan (e) kebolehan berdikari.

a. Tahap toleransi

Hasil analisis menunjukkan bahawa program mobiliti memberikan impak positif terhadap tahap toleransi informan. Segelintir informan bersetuju bahawa pengalaman mobiliti meningkatkan keupayaan mereka untuk lebih mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu dan berinteraksi dengan individu daripada pelbagai latar belakang budaya dan bahasa. Informan berkongsi:

‘...macam mula toleransi, lepas tu ni bekerja dalam kumpulan sebabnya sometimes macam saya dan rakan-rakan pun perlu menghadiri macam meeting dengan pihak-pihak majikan. And then pada dua minggu lepas ada juga bos daripada provinsi lain daripada daerah lain.’ (*Informan 4*)

Sebelum ini, beliau cenderung untuk berpegang teguh pada jadual yang telah ditetapkan, namun pengalaman yang diperolehi melalui mobiliti telah membantunya menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku, termasuk perubahan jadual pada saat akhir. Kini, beliau tidak lagi bersikap *rigid* dan lebih bersedia untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang tidak dijangka, sekali gus meningkatkan keupayaannya dalam mengurus masa dan situasi dengan lebih baik.

Begitu juga, informan menyatakan bahawa pengalaman bekerja dalam kumpulan yang melibatkan pihak luar telah memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan keupayaan mereka untuk beradaptasi dengan pelbagai situasi profesional. Melalui interaksi dengan individu dari latar belakang yang berbeza, mereka belajar menyesuaikan diri dengan pelbagai gaya komunikasi, pendekatan kerja, serta norma budaya yang berbeza dalam dunia profesional. Pengalaman ini bukan sahaja membantu mereka untuk menjadi lebih fleksibel dalam menangani cabaran, tetapi juga meningkatkan kemahiran interpersonal, penyelesaian masalah, dan keupayaan untuk bekerjasama secara efektif dalam persekitaran kerja yang dinamik dan mencabar.

b. Keyakinan

Peserta program mobiliti menunjukkan peningkatan dalam keyakinan diri, khususnya dalam berinteraksi dengan individu daripada pelbagai peringkat umur dan status sosial. Informan pertama mencatatkan perubahan dalam cara beliau melihat dirinya, daripada seorang yang tidak menonjol kepada seseorang yang lebih positif dan mampu melihat dunia dengan lebih terbuka:

‘...the way saya interact dengan people sangatlah berbeza despite dulu saya sangat saya takut dengan age differences. Saya takut macam oh maybe tak selesa dengan cara saya (...) sebelum ni saya view diri saya macam as if someone yang macam sama je dengan orang lain, macam takde pun something special yang boleh buat saya stand out (...). Saya see a world like much more positive (...), saya tak expect pun it could be much more beautiful.’ (*Informan 1*)

Informan kedua, yang pada awalnya merasa takut kerana beranggapan peserta mobiliti adalah individu yang sangat cemerlang, mendapati bahawa ramai peserta lain juga menghadapi cabaran yang sama, yang akhirnya meningkatkan keyakinan dirinya:

‘Ada banyak doktor Bila saya datang kat sini pada awalnya agak takut kerana kita tahu orang yang pergi mobiliti ni semua pandai-pandai, semua hebat-hebat. Tapi bila saya dah datang sini, kebanyakan pelajar yang mobiliti seperti saya ni.’ (*Informan 2*)

Informan kajian yang menyertai program mobiliti mengalami peningkatan ketara dalam keyakinan diri, terutamanya apabila berkomunikasi dan berinteraksi dengan individu daripada pelbagai latar belakang, termasuk mereka yang berbeza dari segi umur, status sosial, dan budaya. Melalui pengalaman ini, mereka lebih yakin untuk menyampaikan idea, bertukar pandangan, serta menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi sosial. Selain itu, pendedahan kepada persekitaran baharu membantu mereka mengatasi rasa malu, meningkatkan kemahiran komunikasi, serta membentuk keupayaan untuk beradaptasi dengan lebih baik dalam interaksi sosial yang lebih luas.

c. Sahsiah dan tanggungjawab

Dalam aspek pembentukan sahsiah, program yang disertai telah membawa perubahan yang ketara terhadap sahsiah pelajar, khususnya dalam aspek disiplin dan tanggungjawab. Pengalaman yang diperoleh melalui pendedahan kepada budaya dan sistem yang berbeza memberikan mereka perspektif baharu mengenai kepentingan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, informan kedua berkongsi pengalamannya mengenai sistem pengurusan sampah di negara yang dikunjungi, yang jauh lebih teratur dan sistematik berbanding di negara asal:

‘...tanya kepada saya kesan atau pun apa yang saya dapat sepanjang saya mobiliti ni pertama sekali semestinya adab dan sahsiah doktor. Pada pertama kali saya datang ke sini, paling mudah saya bagitahu tong sampah. Tong sampah saja ada lebih kurang 7 jenis.’
(*Informan 2*)

Keadaan ini telah menimbulkan kesedaran dalam dirinya bagaimana gaya hidup berdisiplin boleh memberi impak besar kepada kesejahteraan diri dan masyarakat. Pengalaman ini mendorongnya untuk lebih bertanggungjawab untuk mengamalkan tingkah laku yang lebih baik dalam kehidupan seharian. Sama seperti informan kedua, informan kesembilan melaporkan peningkatan yang ketara dalam aspek disiplin dan pengurusan masa. Sepanjang program, beliau mendapati bahawa perancangan yang sistematik amat penting dalam menyelesaikan tugas akademik dengan lebih berkesan. Dengan menyesuaikan diri kepada jadual yang lebih ketat dan persekitaran yang lebih berdisiplin, beliau berjaya mengurus masa dengan lebih baik, sekali gus meningkatkan kecekapan dalam menyelesaikan kerja akademik.

‘...dekat Jepun ni saya punya macam saya cakap time management tu dah berubah. Jadi saya lebih disiplin bila macam waktu untuk lakukan assignment tu terus buat kalau ada kerja sekolah terus buat and then kalau dalam kelas tu pun saya rasa ada perubahan besar.’
(*Informan 9*)

Secara keseluruhannya, pengalaman yang diperoleh melalui program ini telah membentuk sahsiah pelajar menjadi lebih bertanggungjawab, berdisiplin, dan lebih peka terhadap persekitaran mereka. Nilai-nilai ini bukan sahaja memberi manfaat dalam konteks akademik, tetapi juga dalam kehidupan harian mereka sebagai individu yang lebih prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

d. Keterbukaan

Salah satu impak utama program mobiliti adalah peningkatan keterbukaan minda dalam pelbagai aspek kehidupan. Melalui pengalaman berada di persekitaran baharu, individu berpeluang untuk mengenali budaya, adat resam, dan cara hidup masyarakat yang berbeza. Ini secara langsung membantu mereka memahami serta menghormati kepelbagaian budaya, sekali gus menghapuskan stereotaip yang mungkin wujud sebelum ini. Informan berkongsi:

‘...pada awalnya saya agak tertutup lah bahagian bab makanan ni kerana kita tahu kan bab makanan ni agak susah untuk kita cari. Tapi selepas saya mengikuti komuniti Melayu di sini, komuniti orang Islam di sini jadi saya lebih memahami macam mana cara untuk mencari makanan yang halal.’ (*Informan 2*)

Beberapa informan lain turut bersetuju bahawa pengalaman mobiliti membantu mereka untuk memahami bahawa setiap budaya mempunyai keunikan tersendiri dan harus dihormati. Mereka belajar untuk menerima perbezaan dengan hati terbuka, mengurangkan prasangka, serta membina sikap toleransi yang lebih tinggi terhadap kepelbagaian. Sebagai contoh, mereka mungkin mempelajari adat pemakanan, cara berkomunikasi, dan etika sosial yang berbeza, yang seterusnya boleh membentuk sikap saling menghormati dan menghargai perbezaan.

Dari segi akademik dan profesional, kesemua informan menunjukkan keterbukaan minda yang dipupuk melalui program mobiliti yang membolehkan mereka menerima idea baharu dengan lebih terbuka serta mempelajari pendekatan yang berbeza dalam memahami satu-satu fenomena.

Hal ini memberi kelebihan dengan membuka peluang pembelajaran yang lebih luas dan membentuk diri yang lebih berfikir global dan inovatif yang menjadi aspek penting dalam kemajuan kerjaya pada masa hadapan.

e. Berdikari

Mobiliti antarabangsa memberikan impak positif kepada peningkatan keupayaan untuk berdikari. Pengalaman tinggal di luar negara, jauh daripada keluarga dan zon selesa, memaksa informan untuk mengurus kehidupan sendiri dengan lebih cekap. Informan berkongsi:


‘Berdikari tu memang kena on top doktor. Walaupun kita ramai kawan foreigner dekat sini tapi most of the time kita akan sorang-sorang juga. So kita kena bersedia fizikal dan mental, sakit pun kita kena gerak sendiri.’ (*Informan 2*)

Antara aspek berdikari yang dapat dipelajari oleh segelintir informan termasuklah pengurusan kewangan, di mana mereka perlu mengawal perbelanjaan mereka sendiri tanpa bergantung kepada ibu bapa. Selain itu, mereka juga perlu mengurus keperluan harian seperti memasak, mengemas tempat tinggal, serta menjaga kesihatan sendiri. Di samping itu, mereka akan lebih berdikari dalam membuat keputusan penting, sama ada berkaitan dengan akademik, sosial, atau kehidupan seharian. Mereka belajar untuk menangani cabaran dan menyelesaikan masalah dengan sendiri, tanpa bergantung sepenuhnya kepada orang lain. Hal ini menggalakkan pemikiran kritis, daya tahan, serta keyakinan diri yang lebih tinggi. Keseluruhannya, pengalaman mobiliti antarabangsa bukan sahaja memberi peluang untuk menimba ilmu dan mengenali budaya baharu, tetapi juga membentuk individu yang lebih matang, cekap, dan berdikari, menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi cabaran kehidupan pada masa hadapan.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Zainab Mohd Noor et al. (2020) yang mendapati bahawa pengalaman terlibat dalam program mobiliti membawa perubahan kepada pelajar kerana mereka memperoleh pengalaman pembelajaran baharu, mendapat pendedahan silang budaya, mampu menyesuaikan diri dalam situasi baharu, boleh berkomunikasi dengan lebih baik, lebih yakin dan mampu bergantung dengan diri sendiri, mempunyai kemahiran pemikiran kritikal yang lebih baik, boleh menghormati, berinteraksi dan bekerja dengan orang daripada pelbagai latar belakang, lebih memahami dan menghargai nilai budaya sendiri, boleh menjalin hubungan dengan rakan baharu tanpa prejudis dan mampu membina jaringan peribadi di peringkat global. Ini membuktikan bahawa pengalaman mobiliti telah banyak meningkatkan pembangunan diri ke arah yang lebih positif.

Impak mobiliti terhadap kebolehpasaran diri

Tujuan kajian ini juga adalah untuk meneroka pengalaman mobiliti dan impaknya terhadap kebolehpasaran pelajar. Hasil analisis mendapati terdapat enam subtema impak pengalaman mobiliti terhadap kebolehpasaran iaitu: (i) adaptasi rentas budaya, (ii) kematangan interpersonal, (iii) keyakinan, (iv) keperluan kerjaya dalam bidang, (v) nilai tambah dan (vi) kemahiran daya tindak. Tema kedua dan subtemanya ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Tema dan subtema kebolehpasaran diri

a. Adaptasi rentas budaya

Pengalaman menjalani program mobiliti di luar negara menjadikan individu perlu menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan budaya yang berbeza. Pengalaman tinggal di negara yang mempunyai adat dan budaya berbeza dengan negara sendiri memerlukan individu keluar dari zon selesa dan memaksa informan untuk menerima cara hidup yang berbeza. Salah seorang informan berkongsi:

‘Jadi bekerja tu lagi memerlukan banyak komunikasi, banyak pengetahuan yang kita tahu. Lepas tu kita adaptasikan dekat tempat yang kita bekerja tu. Tambah pula bila kita bekerja dengan orang yang kita tak familiar. Bahasa dia yang orang memang asing bukan Malaysia jadi dia boleh mungkin boleh jadi macam-macam tapi bila kita ada nilai-nilai macam something macam kita senang bertoleransi, senang nak apa, adaptasi dengan orang, orang pun tak ada nak jadi masalah dengan kita sebab kita okay je.’ (*Informan 4*)

Pengalaman mobiliti, seperti pertukaran pelajar, penempatan industri antarabangsa atau program lawatan akademik, dapat meningkatkan adaptasi rentas budaya dengan ketara kerana ia memberi peluang kepada individu untuk berinteraksi secara langsung dengan masyarakat, nilai dan norma yang berbeza daripada budaya asal mereka. Melalui pendedahan ini, individu belajar menyesuaikan diri dengan gaya komunikasi, cara berfikir dan tingkah laku sosial yang pelbagai, sekali gus mengasah kecekapan antara budaya serta empati terhadap perbezaan. Pengalaman tersebut juga membina ketahanan diri apabila individu perlu menangani cabaran seperti kejutan budaya, perbezaan bahasa dan gaya hidup yang baharu. Proses ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman terhadap budaya lain, tetapi turut memperluas perspektif global dan keupayaan menyesuaikan diri dalam persekitaran pelbagai budaya.

b. Kematangan interpersonal

Salah satu impak utama program mobiliti adalah peningkatan kematangan interpersonal dalam pelbagai aspek kehidupan. Apabila berada dalam persekitaran baharu, individu terpaksa bergantung kepada diri sendiri untuk menyelesaikan pelbagai masalah. Ini secara langsung membangunkan kematangan diri dalam hubungan interpersonal dengan orang-orang di sekeliling mereka. Informan berkongsi:

‘...mostly from soft skill komunikasi tu sebab tak mudah untuk nak deal dengan orang yang bukan daripada latar belakang sama dengan kita so komunikasi tu memang betul lah soft skill tu mostly is the main point untuk kebolehpasaran.’ (*Informan 6*)

Pengalaman mobiliti dapat meningkatkan kematangan interpersonal kerana ia mendorong individu untuk berinteraksi dan bekerjasama dengan pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza dari segi budaya, bahasa, nilai, dan gaya komunikasi. Dalam konteks ini, individu belajar menyesuaikan cara berkomunikasi, memahami perbezaan pandangan, serta menghormati keunikan orang lain, yang akhirnya memperkukuh kemahiran empati dan toleransi. Selain itu, situasi baharu yang memerlukan penyelesaian masalah secara kolektif turut melatih individu untuk menjadi lebih bertanggungjawab, fleksibel dan matang dalam membuat keputusan sosial. Proses pembelajaran sosial ini bukan sahaja mempertingkatkan keupayaan berinteraksi secara berkesan, tetapi juga membentuk kepekaan interpersonal yang lebih tinggi, menjadikan individu lebih bijak mengurus hubungan dan konflik dalam pelbagai konteks sosial.

c. Keyakinan

Pengalaman dalam program mobiliti juga membuatkan pelajar memperoleh keyakinan diri. Ini adalah satu ciri yang positif yang diperoleh oleh semua informan. Mereka perlu ada keyakinan apabila perlu menguruskan hal-hal perjalanan ke luar negara, bertemu dengan orang asing, berada dalam situasi baharu dan hidup dalam budaya yang asing daripada kebiasaan mereka. Informan 1 mengatakan:

‘Kalau dari segi tu apa boleh saya katakan adalah keyakinan diri bila kita pergi sini awalnya kita akan takut sebabnya kita akan bersaing dengan pelbagai jenis negara dan orang – orang yang hebat kan. Awalnya kita takut nak berkawan dengan diaorang tapi akhirnya saya dapat bersaing dengan mereka dengan meningkatkan confident saya macam mana saya boleh berhadapan dan berkomunikasi dengan yakin.’ (*Informan 1*)

Pengalaman mobiliti dapat meningkatkan keyakinan diri kerana ia memberi peluang kepada individu untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam persekitaran baharu. Apabila seseorang berjaya menyesuaikan diri dengan budaya, bahasa, dan persekitaran yang berbeza, mereka memperoleh rasa efikasi sendiri yang lebih tinggi, iaitu keyakinan terhadap kemampuan sendiri untuk mengatasi situasi mencabar. Pengalaman berinteraksi dengan individu daripada latar belakang pelbagai juga membantu memperkukuh kemahiran komunikasi dan keupayaan berdikari, yang seterusnya menambah rasa yakin dalam membuat keputusan serta menonjolkan potensi diri. Selain itu, kejayaan menyesuaikan diri dan membina hubungan positif dalam konteks antarabangsa memberi dorongan psikologi yang kuat untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih berani dan optimistik.

d. Keperluan kerjaya dalam bidang

Banyak pengalaman yang diperolehi semasa berada di luar negara meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam kerjaya masa hadapan. Program mobiliti yang disertai telah memberi pendedahan kepada penggunaan teknologi, aplikasi ilmu dalam bidang serta perspektif baharu dalam penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan. Informan mengatakan pengalaman mobiliti penting dan menjadi keperluan dalam bidang pengajian masing-masing.

‘Setakat ni bagi saya relevan sebab saya sebagai budak yang magang dekat tempat tribun, kita orang setiap hari jadi kita orang kena siapkan artikel masa kita orang kena cari idea untuk untuk membuat konten dekat sama ada dalam TikTok ataupun IG berkenaan dengan apa yang ada dekat tribun berdasarkan periklanan semua yang tu macam ada jugaklah kaitan dengan bidang bahasa yang kita belajar, kita gunakanlah rahsia yang betul semua tu kan untuk menarik orang untuk iklan dekat kita orang.’ (*Informan 4*)

Pengalaman mobiliti dapat meningkatkan kemahiran kerjaya dalam bidang kerana ia memberikan pendedahan praktikal dan peluang pembelajaran di persekitaran profesional yang berbeza daripada konteks tempatan. Melalui pengalaman ini, individu dapat mempelajari amalan kerja, teknologi, dan pendekatan penyelesaian masalah yang lebih inovatif serta sejajar dengan piawai antarabangsa dalam bidang masing-masing. Interaksi dengan pakar, rakan sekerja, dan komuniti profesional di luar negara juga memperluas rangkaian serta membolehkan pertukaran idea dan pengetahuan yang relevan dengan perkembangan industri global. Selain itu, pengalaman menyesuaikan diri dalam budaya kerja baharu mengasah kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan dan kecekapan antara budaya, yang amat penting untuk meningkatkan daya saing kerjaya di peringkat global.

e. Nilai tambah

Kesemua informan bersetuju bahawa pengalaman dalam program mobiliti memberi nilai tambah dalam kehidupan mereka. Nilai tambah ini merupakan aspek positif yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka seperti kemahiran berbahasa asing, keterbukaan, pemikiran kritikal dan jaringan hubungan yang luas. Informan berkongsi:

‘Tapi mungkin boleh menyumbang sebab dalam mungkinlah dalam resume kita boleh tuliskan. Dan kita boleh macam mana meyakinkan yang kita ni pernah ke luar negara jadi macam kita punya sifat untuk kita masuk dengan orang tu macam mudah. Maksudnya macam cara kita nak adapt dengan persekitaran sekeliling tanpa kira apa pun persekitaran tu mudah. Sebab kita dah biasa di negara orang dalam tempoh dan jangka masa yang lama.’ (*Informan 4*)

Pengalaman mobiliti memberi nilai tambah dalam kebolehpasaran diri kerana ia membentuk individu yang lebih dinamik, berpengetahuan luas dan mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi kerja. Melalui pendedahan kepada budaya, sistem pendidikan, dan persekitaran kerja antarabangsa, individu memperoleh kemahiran global seperti komunikasi antara budaya, pemikiran kritikal, serta keupayaan menyelesaikan masalah dalam konteks yang pelbagai. Ciri-ciri ini amat dihargai oleh majikan kerana menunjukkan keupayaan calon untuk berfikir secara terbuka, beradaptasi dengan perubahan, dan bekerja dengan pasukan yang pelbagai latar belakang. Selain itu, pengalaman mobiliti juga mencerminkan inisiatif, keberanian dan kesediaan individu untuk menghadapi cabaran baharu, menjadikan mereka lebih menonjol dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif dan berorientasikan global.

f. Kemahiran daya tindak

Informan mengatakan bahawa mereka mempelajari banyak kemahiran daya tindak semasa terlibat dalam program mobiliti.

'In terms of problem solving, I think coming here, I guess my problem solving would be better compared to Malaysia. Because obviously saya belajar many more different methods. Macam dekat Malaysia, obviously ada satu course yang satu kursus yang kita orang kena belajar tentang jenis-jenis pendekatan untuk kita handle client. Tapi kat sini saya belajar more, more than that. So obviously saya rasa memang I have more problem-solving skills compared to back when I was in Malaysia.' (*Informan 5*)

Pengalaman mobiliti menyumbang kepada pembangunan kemahiran daya tindak kerana ia memerlukan individu untuk menyesuaikan diri secara cepat dan berkesan dalam persekitaran baharu yang sering berbeza daripada kebiasaan. Dalam situasi mobiliti, individu perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti perbezaan budaya, bahasa, sistem sosial dan gaya kerja, yang memerlukan kecekapan dalam membuat keputusan segera serta kebolehan menyesuaikan strategi tindakan mengikut konteks. Melalui proses ini, individu belajar untuk berfikir secara fleksibel, mengawal emosi, dan bertindak secara proaktif bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Pengalaman tersebut bukan sahaja mengasah kebolehan bertindak balas terhadap perubahan dengan tenang dan rasional, tetapi juga membina keupayaan untuk berinovasi dan berfikiran terbuka, menjadikan individu lebih tangkas dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran profesional mahupun peribadi.

Dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian lepas. Contohnya, kajian Genç İlter (2016) mengatakan melalui program mobiliti, pelajar menjadi lebih terbuka terhadap idea orang lain. Pelajar dapat mengembangkan kemahiran berfikir kritis mereka sendiri yang membolehkan mereka menangani masalah, dengan menaakul dengan baik. Berada dalam situasi dan persekitaran yang berbeza memaksa pelajar bergantung pada penaakulan dan keupayaan berfikir mereka sendiri (Zainab Mohd Noor et al., 2020). Lesjak et al. (2015) mengatakan hasil daripada penyertaan dalam program mobiliti, pelajar dapat berkembang secara peribadi dan profesional. Ini akan membawa kepada manfaat masa depan untuk pelajar melangkaui ijazah mereka yang boleh memberikan kelebihan tambahan dalam pekerjaan dan kerjaya profesional mereka (Zainab Mohd Noor et al., 2020).

Kesimpulan

Mobiliti pelajar dipengaruhi oleh interaksi kompleks faktor sosioekonomi, institusi, pendidikan, budaya dan peribadi. Memahami dinamik ini boleh membantu pengurusan universiti dan pendidik membangunkan strategi untuk meningkatkan sokongan pelajar, mengurangkan gangguan pendidikan dan menggalakkan pengalaman mobiliti yang positif. Penglibatan dalam program mobiliti didapati mampu meningkatkan sahsiah dan sikap pelajar. Sikap merujuk kepada perasaan, kepercayaan atau nilai yang menentukan pendapat dan pendirian. Ia berkait secara langsung dengan pengalaman. Oleh itu sikap terdedah kepada perubahan. Pengalaman antarabangsa boleh membantu mengembangkan keperibadian dengan meluaskan pemikiran pelajar serta memberikan mereka fleksibiliti dan pengetahuan budaya serta sosial yang mencukupi untuk dapat menyesuaikan diri dengan situasi yang tidak biasa dan bertindak dengan sewajarnya.

Pengalaman mobiliti telah terbukti menyumbang kepada peningkatan adaptasi rentas budaya, kemahiran interpersonal dan keyakinan diri. Semua ciri ini adalah atribut penting dalam pasaran kerja global. Oleh itu, institusi pendidikan tinggi dan majikan wajar memberi pengiktirafan lebih besar terhadap penyertaan mobiliti sebagai satu nilai tambah dalam profil graduan. Cabaran utama seperti halangan bahasa, isu kewangan, logistik dan kejutan budaya

menunjukkan perlunya sistem sokongan yang lebih menyeluruh. Institusi perlu memperkukuh persediaan pelajar melalui bengkel pra-mobiliti, sokongan kewangan bersasar, serta bimbingan budaya dan bahasa bagi memastikan keberkesanan pengalaman mobiliti.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan kerana telah meluluskan Geran Kecil Penyelidikan SK-2024-012. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua informan kajian yang telah terlibat dalam kajian ini.

References

- Atalar, A. (2020). Student Exchange: The First Step Toward International Collaboration. In A. AI-Youbi, A. Zahed, & W. Tierney (Eds.), *Successful Global Collaborations in Higher Education Institutions* (pp. 63-71). Springer Cham.
- Bracht, O., Engel, C., Jensen, K., & Over, A. (2006). The professional value of ERASMUS Mobility. Final Report.
- Farrugia, C., & Sanger, J. (2017). *Gaining An Employment Edge: The Impact of Study Abroad on 21st Century Skills & Career Prospects in the US*. Institute of International Education (IIE).
- Flander, A. (2011). Is A Mobile Student Also A More Employable Student? Research on Employers' Perceptions of Academic Mobility". In K. Miklavič (Ed.), *Paths to Internationalisation: Higher Education Policies, Trends and Strategies in Europe and Slovenia*. CMEPIUS – Slovenian Centre for mobility and European Education and Training Programme, Ljubljana, Ljubljana.
- Garam, I. (2005). Study on the relevance of international student mobility to work and employment. Finnish employers' views on benefits of studying and work placements abroad. (English summary), Centre for International Mobility CIMO, Finlandia.
- Genç İlter, B. (2016). How do mobility programs increase foreign university students' intercultural awareness?. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 232, 569-574.
- Geyer, A., Putz, J., & Misra, K. (2017). The effect of short-term study abroad experience on American students' leadership skills and career aspirations. *International Journal of Educational Management*, 31, 1042–1053.
- Gilmartin, J. F. M., Raimi-Abraham, B. T., EspadasGarcia, I., & Gul, M. O. (2016). Benefits of enhancing international mobility of pharmacy students. *American Journal of Health-System Pharmacy*, 73(15), 1128-1129.
- Harvey, L. (2001). Defining and measuring employability. *Quality in Higher Education*, 7(2), 97-109.
- Jon, J. -E., & Fry, G. W. (2021). Study abroad and engagement at the local and global levels: The stories behind the numbers. *Journal of Studies in International Education*, 25, 407–424.
- Jon, J.-E., Shin, Y. -J., & Fry, G. W. (2020). Understanding study abroad participants' career decisions and perspectives in US higher education. *Compare: A Journal of Comparative and International Education*, 50, 53–70.

- Jonsson, F., Almerud, M., Näringsliv, S., & Krassén, P. (2010). Employers' view on studies abroad. Internationella programkontoret in Svenskt Näringsliv. Confederation of Swedish Enterprise.
- Lee, J. (2022). When the world is your oyster: International students in the UK and their aspirations for onward mobility after graduation. *Globalisation, Societies and Education*, 20, 277–290.
- Lesjak, M., Juvan, E., Ineson, E. M., Yap, M. H., & Axelsson, E. P. (2015). Erasmus student motivation: Why and where to go?. *Higher Education*, 70, 845–865.
- Less, D. (2002). *Graduate Employability: Literature Review*. LTSN Generic Centre.
- Li, M., & Bray, M. (2007). Cross-border student flows and their impact on home countries: A comparative study. *Comparative Education Review*, 51(3), 317-341.
- Murphy, D., Sahakyan, N., Yong-Yi, D., & Magnan, S. S. (2014). The impact of study abroad on the global engagement of university graduates. *Frontiers: The Interdisciplinary Journal of Study Abroad*, 24(1), 1–24.
- Netz, N., & Cordua, F. (2021). Does studying abroad influence graduates' wages? A literature review. *Journal of International Students*, 11(4), 768-789.
- Petrie-Wyman, J.L., Murrell, A., & Schultz, B. (2020). Recognizing the impact of study abroad on women business students: Results from a mixed methods global competency survey. *Frontiers: The Interdisciplinary Journal of Study Abroad*, 32, 22–50.
- Roy, A., Newman, A., Ellenberger, T., & Pyman, A. (2018). Outcomes of international student mobility programs: a systematic review and agenda for future research. *Studies in Higher Education*, 1–15.
- Ruth, A., Brewis, A., Blasco, D., & Wutich, A. (2019). Long-term benefits of short-term research-integrated study abroad. *Journal of Studies in International Education*, 23, 265–280.
- Sánchez-Bolivar, S., Navarro-Prado, S., Sanchez-Ojeda, A. A., Garcia-Morales, V., Cortes-Martin, J., & Tovar-Galvez, M. I. (2023). Analysis of university student motivation in cross-border contexts. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 20(11), 5924.
- Silva-Peralta, Y., & Rompato, M.E. (2020). Desafíos en movilidad internacional y desarrollo de competencias psicosociales emprendedoras. *Actualidades Investigativas En Educación*, 20(1), 33.
- Sity Daud. (2018). Malaysian Higher Education Reform: MSC11 Roundtable. *Southeast Asian Social Science Review*, 3(2), 133-136.
- Teichler, U. (2004). Changes in the relationships between higher education and the world of work on the way towards the European higher education area. University and society: Engaging stakeholders, pp. 1-3.
- Trooboff, S., Vande Berg, M., & Rayman, J. (2008). Employer attitudes toward study abroad. *Frontiers: The Interdisciplinary Journal of Study Abroad*, 15, 17- 34.
- Waibel, S., Petzold, K., & Rüger, H. (2018). Occupational status benefits of studying abroad and the role of occupational specificity: A propensity score matching approach. *Social Science Research*, 74, 45–61.
- Zainab Mohd Noor, Asmah Abd Razak, Judith Gisip, & Masria Mustafa. (2020). Impact of participating AIMS student mobility programme: A UiTM perspective. *Akademika*, 90, 39-49.